

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Monday, February 13, 2017 4:52 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Hanizaton Bt Hassan
Subject: JABATAN KESIHATAN AKAN IKUTI PROGRAM MSc. OSH SBM



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



13 Februari 2017 | 16 Jamadilawal 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



JABATAN KESIHATAN AKAN IKUTI PROGRAM MSc. OSH SBM

SBM Online: Satu mesyuarat antara Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), UUM COB bersama pihak Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia mewakili Jabatan Kesihatan Melaka diketuai oleh Tn Hj. Mohd Awal Din dan Tn Hj. Amin Abd Rahman telah diadakan pada 12 Februari 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Dekan SBM, UUM COB.

Mesyuarat dihadiri oleh beberapa wakil Jabatan Kesihatan dari beberapa negeri/daerah lain dan telah dipengerusikan sendiri oleh Dekan SBM, Ybrs. Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah. Antara wakil SBM yang turut serta dalam mesyuarat ini adalah Ketua Jabatan HRM, Penyelaras-penyelaras Pasca Siswazah dan beberapa pensyarah dalam bidang Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan.

Mesyuarat ini bertujuan membincangkan secara terperinci tentang penawaran program Sarjana Sains Pengurusan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan (MSc. OSH). Jangkaan kohort pertama pelajar dari Jabatan Kesihatan akan memulakan sesi pengajian MSc. OSH dalam masa terdekat di Melaka. Wakil Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia, Jabatan Kesihatan juga berharap agar SBM dapat menawarkan program yang sama untuk kumpulan penolong pegawai Jabatan Kesihatan di Wilayah Utara.

Melalui pelaksanaan Program MSc. OSH bersama Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia, Jabatan Kesihatan, adalah diharapkan kumpulan penolong pegawai kesihatan yang mengikuti program ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mereka serta menjadi inspirasi kepada rakan-rakan sekerja yang lain.

Sekian.



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

we drive for Creativity and Sustainability

**School of Business Management (SBM)
UUM COB
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman**

+604-928 7401
+604-928 7422
sbm@uum.edu.my
<http://sbm.uum.edu.my/>
<https://www.facebook.com/sbm.uum>



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



BETA
GAMMA
SIGMA



AUN-QA
A Touch of Quality



Power
Brand
2015



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN BUSINESS EDUCATION



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.